



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj kami : PWN. Sel (PPA) 109 (28)
Tarikh : 12 Syawal 1438H
26 Jun 2018

Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Pejabat Daerah / Tanah
Semua Badan Berkanun Negeri

Y.Bhg.Dato' / Tuan / Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) PADA KADAR SIFAR (0%) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana pihak Y.Bhg.Dato' / Tuan / Puan sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 yang disiarkan menerusi Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(A) 118 bertarikh 16 Mei 2018 telah meminda kadar GST dari 6% kepada sifar (0%). Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan Garis Panduan bagi menyelaraskan perkara ini terhadap perolehan sedia ada dan baharu seperti berikut:-

- 2.1 Garis Panduan Pelaksanaan GST pada kadar sifar ke atas Perolehan Kerajaan oleh Kementerian Kewangan melalui rujukan K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld.2 (23) bertarikh 28 Mei 2018 (**Garis Panduan ini khusus untuk Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan**); dan
- 2.2 Surat Arahan KPKR Bil 12/2018 Panduan Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada Kadar Sifar Peratus rujukan JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 12 (16) bertarikh 28 Mei 2018 (**Panduan ini adalah khusus untuk Perolehan Kerja**).

3. Seperti mana pihak Y.Bhg.Dato' / Tuan / Puan sedia maklum semua Jabatan/Agensi di Negeri Selangor tidak menggunakan Sistem ePerolehan. Sungguhpun begitu, tatacara mengurus kenaaan GST terhadap kontrak sedia ada dan baharu bagi bekalan dan perkhidmatan yang dinyatakan dalam garis panduan tersebut boleh dirujuk oleh Y.Bhg.Dato' / Tuan / Puan sebagai panduan jua.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 1905

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)
DAN KERJA PADA KADAR SIFAR (0%) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN**

4. Kerjasama Y.Bhg.Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.
Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' NOR AZMIE DIRON)
D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

SALINAN KEPADA :-

1. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 19, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 3062

2. Y.B. Penasihat Undang-Undang
Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor,
Tingkat 4, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5544 7190

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN :-

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. **Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)**
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Tingkat 18, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03 - 5519 3301**
2. **Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)**
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Tingkat 13, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03 - 5510 1264**
3. **Timbalan Pengarah**
Seksyen Makro Dan Penswastaaan
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 16, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03 - 5510 9229**
4. **Ketua Setiausaha Sulit Kepada**
Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03 - 5519 0032**

5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 2, Bangunan 'SSAAS'
40000 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5519 1189

6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam.
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 4095

7. Setiausaha Bahagian
Dewan Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Undangan Negeri Selangor
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 4055

8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03 - 5510 1088

9. Timbalan Pengarah
Seksyen Sektor
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 5, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 6706

10. Timbalan Pengarah
Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03 - 5513 0223**
11. Setiausaha Bahagian,
Bahagian Korporat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan **No. Faks : 03-5544 7299**
12. Timbalan Pengarah
Seksyen Agihan Dan Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 13, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-5518 4039**
13. Penolong Pengarah,
Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)
Tingkat Bawah, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-5512 5193**
14. Ketua Penolong Setiausaha,
Unit Integriti,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 7, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

15. Ketua Penolong Setiausaha,
Unit Pengurusan Bencana,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 7, Bangunan 'SSAAS'
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

16. Jurutera Tempatan
Unit Pengurusan Bangunan SSAAS
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Terbawah, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03 - 55447887

17. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pejabat Dewan Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Negeri Selangor
40582 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03 - 5510 4055

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN :-

JABATAN-JABATAN NEGERI SELANGOR

1. Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
Tingkat 1, Menara Sultan
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit Suk
Seksyen 5, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 3368

2. Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 2658

3. YAA Ketua Hakim Syarie Selangor
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)
Persiaran Masjid, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 5620

4. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan
Tingkat 7 & 8, Blok Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah
No.2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 7584

5. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan SSAAS,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5519 6011

6. Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 4494

7. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15 – 18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 5051

8. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan Ssaas
40660 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 2358

9. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Selangor
Tingkat 3& 4, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5510 504

10. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
Lot 2, Jalan Utas 15/7,
40630 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-5510 3903**
11. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Tingkat 2 & 23, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-5519 0232**
12. Y. Bhg. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
Kepada DYMM Sultan Selangor
Pejabat Istana Alam Shah
41500 Klang,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-3371 6969**
13. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-5510 1261**
14. Pengarah,
Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS)
Lot 7, Jalan Pantai Morib,
42700 Kuala Langat
Selangor Darul Ehsan **No. Faks : 03-55191304**

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN :-

PEGAWAI – PEGAWAI DAERAH

1. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota Raja,
41902 Klang,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-3372 3079**

2. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/ Tanah Petaling
No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-7846 0730**

3. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-6136 1073**

4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan. **No. Faks : 03-8706 1731**

5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-8925 2137

6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat, Sungai Sedu
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
No. Faks : 03-3187 2011

7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-6064 4253

8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
Kompleks Kerajaan Daerah Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-3298 2145

9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam
45300 Sungai Besar, Sabak Bernam
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-3224 2178

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN :-

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam
Tingkat 1, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5513 3564

2. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-7958 1494

3. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Persiaran Perpaduan,
Jalan USJ 5,
47610, Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-5637 6569

4. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.
No. Faks : 03-8733 5975

5. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
Persiaran 3 Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-6138 8933

6. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang
Bangunan Sultan Alam Shah,
Jalan Perbandaran,
41675 Klang Bandar Diraja,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-3374 3661

7. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ,
Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur

No. Faks : 03-4296 8060

8. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api,
63100 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-8319 0220

9. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-3289 1101

10. Yang Dipertua
Majlis Daerah Sabak Bernam
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-3224 2766

11. Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03-6064 3991

12. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,
42700 Banting,
Kuala Langat,
Selangor Darul Ehsan.

No. Faks : 03- 3187 9304



Ruj. Kami: K.KEW/PK/MOF/ePP1/59/63 Jld. 2 (23)
Tarikh 28 Mei 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato',

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) PADA KADAR SIFAR (0%) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan melalui Siaran Media bertarikh 16 Mei 2018 telah menetapkan bahawa bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta yang diimport yang dikenakan **CBP** pada kadar standard 6% akan dikenakan **CBP** pada kadar sifar (0%) berkuat kuasa mulai 1 Jun 2018. Sehubungan itu bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan **CBP** pada kadar sifar (0%) ke atas perolehan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan (**eP**) yang menjelaskan berkenaan langkah yang perlu diambil oleh Kementerian / Pusat Tanggungjawab (**PTJ**) berdasarkan kepada keputusan Kerajaan tersebut.

3. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato', adalah dipohon untuk memanjangkan surat ini kepada semua **PTJ** di bawah seliaan masing-masing dan memastikan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan garis panduan ini.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato', berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' OTHMAN BIN SEMAIL)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. :

Encik Muzafar Kamal Shahaluddin
Chief Executive Officer
Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Ground Floor, Wisma CommerceDotCom
15 Jalan Tandang
46050 Petaling Jaya
SELANGOR

YBhg. Datin TSBPK (S)

YBhg. Datin TSBPK (D)

TSBPK (O)

TSBPK (K)

KSPK (SP)

KSPK (ePP)

KSPK (D)

KPSPK (ePP1)

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa**
Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Tel : 03-8888 1480
Faks: 03-8889 4479

2. **YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang**
Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 6363
Faks: 03-8889 3177

3. **YBhg. Dato' Sri Haji Alias Bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124

4. **YBhg. Dato' Seri Alwi Bin Haji Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 8076
Faks: 03-8889 1758

5. **YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Aras 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2771 4021
Faks: 03-2711 6564

6. **YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur Binti Mohd Nur**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 5050
Faks: 03-8870 6806

7. **YBhg. Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikshan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

Tel : 03-8889 7874
Faks: 03-8889 4948

- 8. YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-8892 1114
Faks: 03-8888 0154
- 9. YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Bin Hj. Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Aras 15, Menara, 4G1, Wisma Tani
No. 28 Persiaran Perdana Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
Tel : 03-8870 1014
Faks: 03-8888 0181
- 10. YBhg. Dato' Sri Jamil Bin Salleh**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA
Tel : 03-8882 5553
Faks: 03-8882 5566
- 11. YBhg. Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Binti Syed Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-8911 5254
Faks: 03-8911 5248
- 12. YBhg. Dato' Seri Ramlan Bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putera 1
No. 1 Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA
Tel : 03-8887 4501
Faks: 03-8889 2867
- 13. YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
Aras 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
Tel : 03-2691 6464
Faks: 03-2698 4662
- 14. YBhg. Datuk Seri Jayasiri a/l Jayasena**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 28, Menara MITI
No. 7 Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
Tel : 03-6200 0042
Faks: 03-6206 5984

- 15. YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Bin Haji Yahaya**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
Tel : 03-8885 8020
Faks: 03-8888 9000
- 16. YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
Tel : 03-8883 2539
Faks: 03-8889 5245
- 17. YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 17, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA
Tel : 03-8886 1651
Faks: 03-8889 5449
- 18. YBhg. Datuk Borhan Bin Dolah**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-8891 2051
Faks: 03-8888 2302
- 19. YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-8891 5003
Faks: 03-8891 5558
- 20. YBhg. Datuk Yogeesvaran a/l Kumaraguru**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
Tel : 03-8880 3333
Faks: 03-8880 3345
- 21. YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel : 03-8886 5021
Faks: 03-8889 2402

22. YBhg. Dato' Lokman Hakim Bin Ali

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
Lot 4 G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

Tel : 03-8871 3017
Faks: 03-8888 8719

23. YBhg. Datuk Rashidi Bin Hasbullah

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8891 7007
Faks: 03-8891 7077

24. YBhg. Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No.55, Persiaran Perdana Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

Tel : 03-8323 1033
Faks: 03-8323 2003

25. YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki Bin Ali

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B8
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Tel : 03-8872 1800
Faks: 03-8888 3834

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. YBhg. Dato' Siti Fatimah binti Daud

Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 3, Blok Selatan
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 3113
Faks: 03-8882 4324

2. YBhg. Datuk Saat bin Esa

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara
Aras 8, Bahagian Pengurusan Tertinggi
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA

Tel : 03-8882 1002
Faks: 03-8889 5821

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) PADA KADAR SIFAR (0%) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

1. LATAR BELAKANG

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**CBP**) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) mula berkuat kuasa pada 1 April 2015 dengan kadar standard 6%. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui siaran media bertarikh 16 Mei 2018 telah menetapkan bahawa bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta yang diimport yang dikenakan **CBP** pada kadar standard 6% akan dikenakan **CBP** pada kadar sifar (0%) berkuat kuasa mulai 1 Jun 2018. Ini termasuklah perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding yang dilaksanakan dalam ePerolehan (**eP**). Selaras dengan dasar semasa Kerajaan tersebut, Sistem **eP** telah ditambah baik bagi memenuhi keperluan pelaksanaan **CBP** untuk diguna pakai oleh semua Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan (bukan perunding).

2. DASAR PEROLEHAN KERAJAAN DALAM PELAKSANAAN CBP PADA KADAR SIFAR

2.1. Kenaan **CBP dalam Perolehan Kerajaan**

2.1.1. Pelaksanaan **CBP** melalui Sistem **eP** masih diteruskan dan selaras dengan dasar pengenaan **CBP** yang telah ditetapkan bagi perolehan Kerajaan seperti berikut:

- a. Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan akan dikenakan **CBP** pada kadar sifar (0%) oleh pembekal yang berdaftar **CBP** mulai 1 Jun 2018.
- b. Pelepasan daripada kenaan **CBP** bagi perolehan bekalan dan perolehan tertentu yang lain adalah dimansuhkan. Oleh itu, pengeluaran Certificate of GST Relief (**CoGSTR**) oleh Pegawai Pengawal atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal seperti mana yang diperuntukkan di dalam IPP/PK1/Perenggan 6(xiii) turut dimansuhkan.
- c. Penentuan pelaksanaan kenaan **CBP** yang melibatkan Kawasan Ditetapkan juga dikenakan pada kadar standard 0% atau 'nil' mengikut keadaan tertentu.

- d. Surat Setuju Terima (**SST**) Yang Telah Ditandatangani Sebelum 1 Jun 2018 dan Kontrak Mula Berkuat Kuasa Pada atau Selepas 1 Jun 2018.

Bagi kontrak yang berkuat kuasa pada atau selepas 1 Jun 2018, kenaikan **CBP** adalah pada kadar sifar (0%). Oleh itu, memandangkan **SST** telah ditandatangani sebelum 1 Jun 2018, maka pelarasan harga kontrak boleh dibuat oleh Agensi. Namun nilai bon pelaksanaan adalah kekal. Perubahan harga kontrak disebabkan oleh **CBP** boleh dibuat dengan kelulusan Pegawai Pengawal.

- e. Kontrak Perolehan Kerajaan Yang Masih Berkuat Kuasa dan Tempoh Kontrak Melangkaui 1 Jun 2018

Bagi kontrak perolehan Kerajaan yang masih berkuat kuasa dan tempoh kontrak tersebut melangkaui 1 Jun 2018, kenaikan **CBP** selepas 1 Jun 2018 adalah pada kadar sifar (0%) mengikut tarikh pembekalan / perkhidmatan sebenar yang diterima oleh Agensi. Oleh itu, memandangkan **SST** telah ditandatangani sebelum 1 Jun 2018, maka pelarasan harga kontrak bagi mengambil kira pembekalan yang dikenakan **CBP** dan tidak dikenakan **CBP** boleh dibuat oleh Agensi. Namun nilai bon pelaksanaan adalah kekal. Perubahan harga kontrak disebabkan oleh **CBP** boleh dibuat dengan kelulusan Pegawai Pengawal.

- f. Pelanjutan Kontrak Perolehan Kerajaan

- i. Perjanjian Tambahan dikeluarkan sebelum 1 Jun 2018
Sekiranya terdapat pelanjutan kontrak atau pertambahan kuantiti serta nilai kontrak, nilai kenaikan **CBP** ditetapkan pada kadar 0% ke atas baki pembekalan yang dibuat mulai 1 Jun 2018.
- ii. Perjanjian Tambahan dikeluarkan pada atau selepas 1 Jun 2018
Sekiranya terdapat pelanjutan kontrak atau pertambahan kuantiti serta nilai kontrak, nilai kenaikan **CBP** ditetapkan pada kadar 0% ke atas pembekalan yang dibuat mulai 1 Jun 2018.

3. PELAKSANAAN CBP PADA KADAR SIFAR DALAM SISTEM ePEROLEHAN

Penambahbaikan yang telah dibuat dalam Sistem **eP** melibatkan Modul Pembelian Terus, Sebut Harga / Tender, Pengurusan Kontrak dan Pemenuhan. Penambahbaikan tersebut adalah seperti berikut:

3.1. Modul Pembelian Terus (Bermasa)

- 3.1.1. Klausula mengenai kenaikan **CBP** dalam templat **SST** di Sistem **eP** dipinda daripada 6% kepada 0%.

3.2. Modul Sebut Harga / Tender

- 3.2.1. Klausula Syarat-syarat Am mengenai kenaikan **CBP** dalam dokumen tawaran dipinda bagi mengambil kira kenaikan **CBP** pada kadar 0%.
- 3.2.2. Klausula mengenai kenaikan **CBP** dalam templat **SST** di Sistem **eP** dipinda daripada 6% kepada 0%.

3.3. Modul Pengurusan Kontrak

- 3.3.1. Tiada perubahan di Modul Pengurusan Kontrak.

3.4. Modul Pemenuhan

3.4.1. Pengeluaran Pesanan Pembelian / Pesanan Kontrak

- a. Semua item (bekalan / perkhidmatan) yang disenaraikan di Pesanan Pembelian / Pesanan Kontrak akan ditanda dan ditetapkan sebagai 'Item Bercukai' secara automatik oleh Sistem **eP** dengan kadar standard 0%.
- b. Garis Panduan Penentuan Item Bercukai yang disediakan dalam Sistem **eP** akan dimansuhkan.
- c. Kategori Jenis Perolehan 'Bekalan' atau 'Perkhidmatan' akan dikenakan kadar **CBP** dengan kadar standard 0%.

3.4.2. CoGSTR

- a. **CoGSTR** hanya akan dikeluarkan ke atas pembekalan yang dibekalkan kepada Kerajaan sehingga 31 Mei 2018 sahaja.
- b. Tiada pengeluaran **CoGSTR** bagi pembekalan barang yang

disempurnakan pada atau selepas 1 Jun 2018.

3.4.3. Invois Cukai

- a. Invois Cukai dikeluarkan dengan kadar standard 6% ke atas Pesanan Pembelian / Pesanan Kontrak dan pembekalan / perkhidmatan yang disempurnakan sebelum 1 Jun 2018.
- b. Invois Cukai dikeluarkan dengan kadar standard 0% ke atas pembekalan / perkhidmatan yang dibekalkan selepas 1 Jun 2018.
- c. Invois Cukai hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pembekalan / perkhidmatan disempurna dan disahkan oleh Kerajaan.

3.4.4. Penetapan Kod Cukai

- a. Tiada lagi penetapan Kod Cukai berikut:
 - i. RS – *Relief Supplies*
 - ii. ZRE – *Zero Rated Export*
- b. Jadual Kod Cukai yang diguna pakai oleh perolehan Kerajaan melalui Sistem **eP** bagi perolehan di bawah kedua-dua kategori 'Bekalan' dan 'Perkhidmatan' ditetapkan berdasarkan lokasi pembekal dan alamat penghantaran di Agensi adalah seperti berikut:

Pembekal	Alamat Penghantaran	Kod Cukai
PCA	PCA	SR
PCA	DA	OS
DA	PCA	SR
Di antara DA (Contoh: Dari Langkawi ke Tioman)		OS
Di dalam DA (Contoh: Dari Kuah, Langkawi ke Padang Matsirat, Langkawi)		OS

- i. *Designated Area* – DA (Kawasan Yang Ditetapkan) adalah merujuk kepada Tioman, Langkawi dan Labuan.
- ii. *Principal Customs Area* – PCA (Kawasan Utama Kastam) adalah merujuk kepada lokasi selain DA di dalam Malaysia.
- iii. SR – *Standard Rated* ditetapkan sebagai 0%.
- iv. OS – *Out of Scope* ditetapkan sebagai 'Nil'.

4. TINDAKAN SEGERA PENGGUNA SISTEM eP

Bagi memastikan pelaksanaan **CBP** pada kadar sifar berjalan lancar agar transaksi seterusnya seperti penyediaan kontrak dan pesanan pembekalan dapat dilaksanakan dalam Sistem **eP**, Pusat Tanggung Jawab (**PTJ**) dikehendaki mengambil tindakan seperti berikut:

4.1. Modul Pembelian Terus (Bermasa) dan Modul Sebut Harga / Tender

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
Penyediaan SST (Skrin Agensi)	Menunggu Penyediaan SST atau Menunggu Penyerahan SST Nota : SST disediakan dan diserahkan sebelum 1 Jun 2018	Bagi SST yang disediakan dan diserahkan kepada pembekal sebelum 1 Jun 2018, sistem akan memaparkan kenaikan CBP yang dikunci masuk oleh Agensi dan tertakluk kepada kadar 6%. Tiada perubahan klausa berkenaan CBP dalam templat SST. Implikasi Sekiranya pembekal mengesahkan SST selepas 1 Jun 2018, nilai CBP tersebut akan tetap dipaparkan di dalam SST tersebut. Syor / Tindakan Bagi mengelakkan pembekal membuat permohonan pembatalan SST yang diterima / disetuju terima selepas 1 Jun 2018 disebabkan kenaikan CBP pada kadar 6%, Agensi disarankan supaya mengeluarkan SST tersebut pada atau selepas 1 Jun 2018.
Penyediaan SST (Skrin Agensi)	Menunggu Penyediaan SST atau Menunggu Penyerahan SST Nota : SST disediakan sebelum 1 Jun 2018 tetapi belum diserahkan pada atau selepas 1 Jun 2018	Bagi SST yang berstatus Menunggu Penyediaan SST dan belum diserahkan kepada pembekal pada atau selepas 1 Jun 2018, sistem akan memaparkan secara automatik nilai RMO.00 di medan 'Amaun CBP' dengan klausa kenaikan CBP yang baharu. Terdapat perubahan klausa berkenaan CBP dalam templat SST dan perkara berikut perlu diambil perhatian:

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
		i. Sekiranya template SST telah dimuat turun sebelum 1 Jun 2018: • Agensi perlu memuat turun semula templat SST dengan klausa kenaikan CBP yang baharu. • Memuat naik semula SST yang telah ditandatangani. ii. Sekiranya template SST belum dimuat turun sebelum 1 Jun 2018: • Agensi boleh memuat turun dan memuat naik templat SST dengan klausa kenaikan CBP yang baharu. Peringatan i. Sekiranya Pihak Berkuasa Melulus (PBM) telah memuktamadkan perolehan tersebut sebelum 1 Jun 2018 dengan nilai CBP pada kadar 6% tetapi Agensi menyediakan SST tersebut di dalam sistem pada atau selepas 1 Jun 2018, maka Agensi hendaklah memastikan SST tersebut adalah mengambil kira nilai CBP pada kadar 0%. ii. Agensi hendaklah memastikan butiran SST yang dikunci masuk di dalam sistem adalah sama seperti mana SST yang dimuat naik untuk disetujui terima oleh pembekal secara atas talian. Ini bagi mengelakkan percanggahan maklumat / data yang akan dipaparkan secara automatik di Modul Pengurusan Kontrak yang seterusnya akan mengakibatkan transaksi gagal dilakukan dalam Modul Pemenuhan.
Penyediaan SST (Skrin Agensi)	Menunggu Penyediaan SST atau Menunggu Penyerahan SST Nota : SST disediakan dan diserahkan pada atau selepas 1 Jun 2018	SST yang disediakan dan diserahkan kepada pembekal pada atau selepas 1 Jun 2018 akan memaparkan secara automatik nilai RMO.00 di medan 'Amaun CBP ' dengan klausa kenaikan CBP yang baharu.

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
Menyetujui Terima SST (Skrin Pembekal)	Menunggu Pengakuan Penerimaan SST Nota : SST diterima sebelum 1 Jun 2018 tetapi menyetujui terima sebelum, pada atau selepas 1 Jun 2018	Bagi SST yang berstatus Menunggu Pengakuan Penerimaan SST sebelum 1 Jun 2018, sistem akan memaparkan kenaikan CBP yang dikunci masuk oleh Agensi dan tertakluk kepada kadar 6%. Tiada perubahan klausa berkenaan CBP dalam templat SST . Implikasi Sekiranya pembekal mengesahkan SST sebelum, pada atau selepas 1 Jun 2018, nilai CBP yang dikunci masuk oleh Agensi akan tetap dipaparkan di dalam SST tersebut. Syor / Tindakan Agensi hendaklah menasihatkan pembekal untuk menyetujui terima SST tersebut dan pelarasan harga kontrak dengan mengambil kira kenaikan CBP pada kadar 0% hanya akan dibuat semasa memuktamadkan kontrak.
Menyetujui Terima SST (Skrin Pembekal)	Menunggu Pengakuan Penerimaan SST Nota : SST diterima dan disetujui terima pada atau selepas 1 Jun 2018	Bagi SST yang berstatus Menunggu Pengakuan Penerimaan SST selepas 1 Jun 2018, sistem akan memaparkan secara automatik nilai RMO.00 di medan 'Amaun CBP ' dengan klausa kenaikan CBP yang baharu.

4.2. Modul Pengurusan Kontrak

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
Penyediaan Maklumat Pemenuhan (Skrin Agensi)	Menunggu Penciptaan Maklumat Pemenuhan	Tiada perubahan sistem dibuat dalam Modul Pengurusan Kontrak. Maklumat yang dipaparkan di medan 'Amaun Keseluruhan Kontrak' dalam Butiran Bekalan / Perkhidmatan adalah diambil daripada butiran SST di Modul Pembelian Terus atau Sebut Harga / Tender.

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
		Sekiranya SST telah diserahkan kepada pembekal sebelum 1 Jun 2018, maka sistem akan memaparkan 'Amaun Keseluruhan Kontrak' dalam Butiran Bekalan / Perkhidmatan dengan mengambil kira kenaikan CBP yang dikunci masuk oleh Agensi dan tertakluk kepada kadar 6%. 'Amaun Keseluruhan Kontrak' ini akan kekal. Agensi tidak dibenarkan mengubah 'Amaun Keseluruhan Kontrak' tersebut sehingga Agensi membuat pelarasan perubahan harga dalam kontrak baharu atau kontrak tambahan bagi mengambil kira nilai CBP pada kadar 0%. Sekiranya SST diserahkan kepada pembekal pada atau selepas 1 Jun 2018, maka sistem akan memaparkan 'Amaun Keseluruhan Kontrak' dalam Butiran Bekalan / Perkhidmatan dengan mengambil kira kenaikan CBP pada kadar 0%. Sehubungan itu, Agensi hendaklah mewujudkan kontrak baharu atau kontrak tambahan pada nilai kadar CBP 0%.
Penyediaan Maklumat Perjanjian (Skrin Agensi)	Menunggu Penciptaan Perjanjian	Tiada perubahan sistem dibuat dalam Modul Pengurusan Kontrak. Agensi hendaklah memastikan kontrak baharu yang dimuktamadkan pada atau selepas 1 Jun 2018 adalah mengambil kira kenaikan CBP pada kadar 0% dan dimuat naik dalam sistem.
Pindaan Kontrak Dengan Kontrak Tambahan	Pengurusan Kontrak berstatus 'Lengkap'	Agensi dikehendaki membuat pindaan kontrak di dalam sistem apabila hendak mewujudkan kontrak tambahan bagi mengambil kira kenaikan CBP pada kadar 0% dan / atau 6% berdasarkan tempoh pembekalan sama ada bermula sebelum atau selepas 1 Jun 2018.

4.3. Modul Pemenuhan

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
Kelulusan Permintaan Pembelian / Permintaan Kontrak (Purchase Request – PR / Contract Request – CR) (Skrin Agensi)	Menunggu Kelulusan	a. Sebelum 1 Jun 2018 Transaksi yang dijana adalah termasuk kadar CBP 6% bagi perolehan bercukai. Agensi boleh meneruskan kelulusan ke atas PR / CR tersebut sekiranya pembekalan / perkhidmatan hendak diterima sebelum 1 Jun 2018. b. Bermula 1 Jun 2018 Sekiranya kelulusan PR / CR dibuat pada atau selepas 1 Jun 2018, kadar CBP 0% akan dijana secara automatik oleh sistem dalam LO tersebut dengan andaian pembekalan / perkhidmatan hendak diterima selepas 1 Jun 2018. Bagi item di bawah PK7 iaitu Pakej Latihan dan Jamuan Keralan, yang mana Agensi dibenar mengeluarkan LO dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bekalan disempurnakan: i. Sekiranya pembekalan / perkhidmatan diterima sebelum 1 Jun 2018 tetapi LO dikeluarkan selepas 1 Jun 2018, maka LO yang dikeluarkan adalah berkadar 0%. Memandangkan peraturan menetapkan bahawa LO tersebut sepatutnya berkadar 6%, Agensi hendaklah menasihatkan pembekal supaya membuat pelarasan cukai dalam tempoh cukai yang sepatutnya dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). ii. Sistem hanya akan mengeluarkan CoGSTR bagi LO dan pembekalan yang dibuat sebelum 1 Jun 2018

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
		(tarikh pembekalan sebenar). Implikasi CoGSTR tidak akan dikeluarkan oleh sistem dalam keadaan berikut: i. LO dikeluarkan sebelum 1 Jun 2018, tetapi tarikh pembekalan sebenar adalah selepas 1 Jun 2018; dan ii. LO dikeluarkan selepas 1 Jun 2018 dan pembekalan sebenar adalah sebelum 1 Jun 2018. Syor / Tindakan Sekiranya ada keperluan untuk mengeluarkan CoGSTR secara manual, Agensi boleh memuat turun dokumen tersebut dari portal eP: www.eperolehan.gov.my Peringatan CoGSTR hanya sah dan terpakai ke atas pembekalan yang dibuat sebelum 1 Jun 2018 sahaja.
Pembekalan Separa (Skrin Agensi dan Pembekal)	Menunggu Pemenuhan Separa	Nota Penerimaan Bekalan / Perkhidmatan hanya boleh disahkan ke atas pembekalan / perkhidmatan yang diterima sebahagian atau sepenuhnya sebelum 1 Jun 2018 dengan kenaikan kadar CBP 6% atau <i>relief</i> (mana yang berkaitan). Syor / Tindakan Bagi LO ke atas perolehan bermasa, sekiranya terdapat sebahagian pembekalan / perkhidmatan yang masih belum diterima sehingga 31 Mei 2018 (<i>multiple delivery</i>), Agensi / pembekal perlu mengambil tindakan untuk mengeluarkan Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan / Perkhidmatan ke atas baki pembekalan

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
		yang akan diterima pada atau selepas 1 Jun 2018. LO baharu boleh dikeluarkan dengan dikenakan CBP pada kadar 0% sekiranya baki pembekalan masih diperlukan oleh Agensi. Implikasi Sekiranya Arahan Untuk Memberhentikan Bekalan / Perkhidmatan tidak dibuat ke atas baki bekalan yang akan diterima selepas 31 Mei 2018: • Invois Cukai akan dikeluarkan dengan dikenakan CBP pada kadar 6% atau relief (mana yang berkaitan). • CoGSTR juga tidak akan dikeluarkan oleh sistem. i. Bagi LO ke atas perolehan <i>one-off</i> dan mempunyai baki bekalan yang masih belum disempurnakan pada 31 Mei 2018, maka pembekalan tersebut hendaklah diteruskan sehingga selesai walaupun tempoh pembekalan melangkaui 1 Jun 2018. Invois Cukai akan dikeluarkan dengan dikenakan CBP pada kadar 6%. Oleh itu, Agensi hendaklah menasihatkan pembekal supaya membuat pelarasan cukai dalam tempoh cukai yang sepatutnya dengan JKDM. Nota Sekiranya ada keperluan untuk mengeluarkan CoGSTR secara manual, Agensi boleh memuat turun dokumen tersebut dari portal eP: www.eperolehan.gov.my
Pengeluaran Invois Cukai	Menunggu Invois	Bermula 1 Jun 2018, kadar dikenakan CBP dalam Invois Cukai adalah bergantung kepada tarikh LO dan pembekalan dibuat sama ada sebelum 1 Jun 2018 (6%) atau

PROSES	STATUS TRANSAKSI	CATATAN / TINDAKAN PENGGUNA
		selepas 1 Jun 2018 (0%). Syor / Tindakan Agensi / pembekal dikehendaki untuk mengambil tindakan berikut: i. Mematuhi tatacara yang telah ditetapkan bagi memastikan kadar dan kod cukai adalah tepat. ii. Menyemak ketepatan maklumat pada Invois Cukai sebelum meneruskan proses berikutnya. iii. Membuat laporan atau aduan melalui sistem eAduan sekiranya maklumat Invois Cukai masih tidak tepat dan gagal dikenalpasti punca kesilapan.

5. PENUTUP

Kementerian / PTJ dipohon mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan sebarang permasalahan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Bantuan Pelanggan atau melalui Sistem eAduan di dalam Portal eP.

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
28 Mei 2018



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.12 (16)

Tarikh : **29** Mei 2018

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR Unit Khas

Pengarah JKR KESEDAR

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 12/2018

**PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)
PADA KADAR SIFAR PERATUS DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

1.0 TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan ke atas perolehan Kerajaan selaras dengan peruntukan Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) 2014 (Akta 762), Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan juga Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 yang telah mewartakan kenaan GST sebagai kadar kosong peratus.

1/6

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur

Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>




CERTIFIED TO ISO 9001:2008



CERTIFIED TO ISO 14001:2004



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007



CERTIFIED TO ISO 50001:2011

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 telah berkuat kuasa mulai 1 April 2015. Selaras dengan peruntukan dalam Akta GST, bekalan barang dan perkhidmatan industri pembinaan adalah juga tertakluk kepada kenaan GST.
- 2.2 Bagi mengambil kira pelaksanaan GST ke atas perolehan Kerajaan, khususnya kontrak kerja, surat arahan SA KPKR Bil. 19/2015 - Pindaan kepada Surat Arahan KPKR Bil. 10/2015 – Garis Panduan Pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 Bagi Perolehan kerja Kerajaan telah dikeluarkan.
- 2.3 Kerajaan Malaysia telah menetapkan bahawa GST tidak lagi akan dikenakan ke atas bekalan barang dan perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan melalui Siaran Media pada 16 Mei 2018 telah mengumumkan bahawa bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta barang dan perkhidmatan yang diimport yang dikenakan GST pada kadar standard 6% akan dikenakan GST pada kadar sifar peratus (0%).
- 2.4 Satu Warta Kerajaan bertajuk Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 juga telah dikeluarkan pada 16 Mei 2018. Perintah di dalam warta ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2018 dan menggantikan kenaan GST daripada "enam peratus" kepada "kosong peratus".
- 2.5 Bagi memastikan urusan perolehan dan pembayaran dapat dilaksanakan dengan lancar selaras dengan perkembangan dan peraturan terkini, satu panduan perlu disediakan.

3.0 TATACARA PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi melaksanakan keputusan Kerajaan yang telah menetapkan kenaan GST pada kadar 0%, tindakan berikut hendaklah diambil:

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.12 (16)

Tarikh : 28 Mei 2018

3.2 Peringkat Surat Setuju Terima

3.2.1 Surat Setuju Terima (SST) Yang Dikeluarkan Sebelum 1 Jun 2018

Perenggan GST dalam SST dikekalkan tanpa memerlukan sebarang pindaan.

3.2.2 Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan mulai 1 Jun 2018

Kenaan GST pada kadar 6% yang dinyatakan dalam SST dipinda pada kadar 0%.

3.3 Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans dan Bayaran Pendahuluan

3.3.1 Pengiraan bagi menentukan nilai bon pelaksanaan, polisi insurans dan nilai jaminan bayaran pendahuluan bagi SST yang ditandatangani sebelum 1 Jun 2018 kekal berdasarkan Harga Kontrak yang telah mengambil kira kenaan GST pada kadar 6%.

3.3.2 Pengiraan bagi SST yang ditandatangani pada atau selepas 1 Jun 2018 adalah berdasarkan Harga Kontrak yang telah mengambil kira kenaan GST pada kadar 0%.

3.4 Bayaran Interim

3.4.1 Penilaian Ke Atas Kerja-kerja Yang Dilaksanakan

- a) Kerja-kerja yang telah dilaksanakan sehingga 31 Mei 2018 adalah tertakluk kepada kenaan GST pada kadar 6%. Kontraktor yang berdaftar di bawah Akta GST dikehendaki membayar cukai output kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan boleh menuntut cukai input dari pihak JKDM.
- b) Kerja-kerja yang dilaksanakan mulai 1 Jun 2018 adalah tertakluk kepada kenaan GST pada kadar 0%. Tiada cukai akan dikenakan ke atas kontraktor dan kontraktor tidak boleh menuntut cukai input dari pihak JKDM.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.12 (16)

Tarikh : **28** Mei 2018

- c) Oleh itu, bagi mengambil kira perkara di perenggan a) dan b), semasa menilai kerja-kerja yang dilaksanakan, P.P./Wakil P.P. perlu membuat pengasingan seperti berikut:
 - i) Bahagian kerja yang telah disiapkan sehingga 31 Mei 2018 yang tertakluk kepada kenaikan GST pada kadar 6%; dan
 - ii) Bahagian kerja yang dilaksanakan mulai 1 Jun 2018 yang tertakluk kepada kenaikan GST pada kadar 0%.

3.4.2 Pelarasan Harga Kontrak

- a) Pindaan kepada Harga Kontrak Terlaras dibuat pelarasan harga melalui Perakuan Pelarasan Harga Kontrak bagi mengambil kira perkara berikut:
 - i) Pengurangan kenaikan GST bagi baki kerja yang dilaksanakan mulai 1 Jun 2018.
 - ii) Pengukuran semula apabila kerja-kerja (termasuk kerja-kerja perubahan) yang dilaksanakan sebelum 1 Jun 2018 dapat dimuktamadkan.

3.4.3 Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)

- a) Potongan WJP bagi SST yang ditandatangani sebelum 1 Jun 2018 adalah kekal sebagaimana dalam Syarat-syarat Kontrak di mana jumlah yang dipotong adalah bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada keseluruhan Harga Kontrak yang telah mengambil kira kenaikan GST pada kadar 6%.
- b) Oleh itu, apabila WJP dipulangkan kepada kontraktor, kontraktor masih perlu membayar cukai output kepada pihak JKDM bagi sebahagian nilai WJP yang telah dipotong untuk kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga 31 Mei 2018 memandangkan kerja-kerja tersebut masih tertakluk kepada GST pada kadar 6%.

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.12 (16)

Tarikh : 28 Mei 2018

- c) Potongan WJP bagi SST yang ditandatangani mulai 1 Jun 2018 adalah jumlah yang bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada keseluruhan Harga Kontrak yang telah mengambil kira kenaikan GST pada kadar 0% sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak.
- d) Dalam hal ini, tiada GST yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada pihak JKDM.

3.5 Dalam apa keadaan pun, kontraktor yang berdaftar di bawah Akta GST masih dikehendaki mematuhi semua peraturan semasa GST yang ditetapkan, seperti pengeluaran invois cukai, penghantaran penyata cukai di dalam tempoh bercukai yang ditetapkan dan tuntutan kredit cukai input.

3.6 Perkhidmatan Perunding


Tatacara pelaksanaan bagi perkhidmatan Perunding adalah juga diberi layanan yang sama sebagaimana tatacara pelaksanaan bagi kerja.

4.0 KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa bagi semua projek pada tarikh arahan ini ditandatangani dan hendaklah dibaca bersekali dengan pekeliling lain yang berkaitan.
- 4.2 Surat Arahan ini akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

Rujukan : JKR.KPKR:121.010/05 Jld.12 (16)

Tarikh : 28 Mei 2018

- s.k
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
 - Pengarah, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat



16 Mei 2018
16 May 2018
P.U. (A) 118

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2018

GOODS AND SERVICES TAX (RATE OF TAX) (AMENDMENT) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2018.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2014 [*P.U. (A) 184/2014*] dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan perkataan “enam peratus” dengan perkataan “kosong peratus”.

Dibuat 16 Mei 2018

[Perb. R.0.3865/356/1 JLD.17 (SK.3); PN(PU2)721/XI]

TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 10(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014]

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (RATE OF TAX) (AMENDMENT) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(2) of the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Goods and Services Tax (Rate of Tax) (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation on 1 June 2018.

Amendment of paragraph 2

2. The Goods and Services Tax (Rate of Tax) Order 2014 [P.U. (A) 184/2014] is amended in paragraph 2 by substituting for the words "six per cent" the words "zero per cent".

Made 16 May 2018

[Perb. R.0.3865/356/1 JLD.17 (SK.3); PN(PU2)721/XI]

TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Prime Minister

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 10(3) of the Goods and Services Tax Act 2014]



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA**

PENGENAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN PADA KADAR SIFAR

Kementerian Kewangan telah menetapkan bahawa bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta barang dan perkhidmatan yang diimport yang dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax – GST*) pada kadar standard 6% akan dikenakan GST pada kadar sifar (0%). Langkah pengenaan GST pada kadar sifar ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018 dan terpakai di seluruh negara sehingga dimaklumkan kelak. Penetapan tersebut tidak meliputi barang dan perkhidmatan yang disenaraikan di Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 yang kekal dikecualikan dari GST.

Sehubungan itu, semua peniaga yang berdaftar perlu mematuhi penetapan pengenaan kadar sifar ini. Pada masa yang sama, peniaga yang berdaftar juga masih tertakluk kepada semua peraturan semasa yang ditetapkan antaranya berkenaan pengeluaran inbois cukai, penghantaran penyata cukai di dalam tempoh bercukai yang ditetapkan dan tuntutan kredit cukai input. Peniaga juga perlu memastikan harga barang dan perkhidmatan yang ditetapkan adalah mematuhi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 setiap masa.

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi Jabatan Kastam Diraja Malaysia di talian 1 300 88 8500 atau 03-7806 7200 (Pusat Panggilan Kastam).

**Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
16 Mei 2018**



